

# Istiadat Pengebumian Negara untuk Tun Rahah

BH- 19/12/2020 ml: 8

Ibu bekas PM  
meninggal dunia  
ketika dalam  
rawatan  
di hospital

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim  
dan Safeek Affendy Razali  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Allahyarhamah Tun Rahah Mohamed Noah yang menghembuskan nafas terakhirnya petang semalam, akan diberi penghormatan Istiadat Pengebumian Negara di Lingkaran Makam Pahlawan, Masjid Negara, hari ini.

Penghormatan untuk isteri bekas Perdana Menteri kedua, Tun Abdul Razak Hussein itu diumumkan oleh Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dalam satu kenyataan malam tadi.

Ibu kepada bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, itu meninggal dunia ketika dalam rawatan di Hospital Prince Court, di sini.

Kematian Tun Rahah, 87, dikongsikan Najib menerusi akaun media sosial, Facebook dan Twitter beribadanya.

“Innalillahwainnailaihirojiun...Bonda saya sudah tiada.

“Kami sekeluarga di hospital. Kesedihan dan air mata mengalir. Tiada kata-kata untuk kehilangan ini,” ungkapnya menerusi status yang dimuat naik.

Tun Rahah mendirikan rumah tangga dengan Tun Abdul Razak pada usia 19 tahun, 4 September 1952, sebaik tamat persekolahan di Sekolah Convent of the Holy Infant Jesus, Johor Bahru, Johor.



**Kenderaan polis mengiringi van jenazah Allahyarhamah Tun Rahah dari Hospital Prince Court, Kuala Lumpur semalam.**  
(Foto BERNAMA)

Ketika itu, Tun Abdul Razak berusia 30 tahun dan berkhidmat sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang.

Hasil perkahwinan itu, pasangan itu dikurniakan lima putera iaitu Najib, Datuk Ahmad Johari, Datuk Mohamed Nizam, Datuk Seri Mohd Nazir dan Datuk Mohamed Nazim.

Walaupun Tun Abdul Razak digelar sebagai Bapa Pembangunan Negara, Tun Rahah dikenali dengan keperibadiannya yang tidak menonjol dan pendiam.

Namun, sifatnya serba sederhana itu banyak membantu meningkatkan populariti Tun Abdul Razak sebagai pemimpin negara yang disegani.

Tun Rahah yang juga anak bongsu kepada empat adik beradik dalam keluarganya, dilahirkan di Muar, Johor pada 11 Jun 1933.

Bapanya, Mohamad Noah Omar adalah bekas majistret yang pernah menjadi Ahli Parlimen bagi kawasan Johor Bahru Timur, yang turut dilantik sebagai Spe-

aker Dewan Rakyat pertama.

Kakak Tun Rahah iaitu Tun Suhailah berkahwin dengan Perdana Menteri Ketiga, Tun Hussein Onn. Tun Suhailah meninggal dunia pada 2014.

Selepas Tun Abdul Razak meninggal dunia pada 14 Januari 1976, Tun Rahah memikul tugas berat apabila semua anaknya masih menuntut di universiti.

Ketika Tun Razak memimpin negara dan mengetuai UMNO, Tun Rahah bergiat aktif dalam pergerakan kaum ibu UMNO dan menjadi pengasas Pergerakan Wanita UMNO Petaling Jaya.

Tun Rahah juga pernah dilantik sebagai penaung pertama Persatuan Tindakan Wanita Islam (PERTIWI) pada 1972 hingga 1977.

Beliau turut pernah dilantik sebagai Yang Dipertua Persatuan Pandu Puteri Malaysia dan Canselor Universiti Tunku Abdul Rahman (UNITAR) dan dianugerahkan Ijazah Doktor Kehormat Falsafah Pendidikan oleh Universiti Utara Malaysia (UUM) pada

Istiadat Konvokesyen Kali ke-22 universiti itu.

Sementara itu, ramai pemimpin parti, pentadbiran kerajaan dan pimpinan pembangkang merakamkan ucapan takziah ke atas pemergian Tun Rahah yang disifatkan satu kehilangan besar kepada negara.

Menteri Luar yang juga anak saudaranya, Datuk Seri Hishammuddin Hussein menyifatkan Tun Rahah sebagai seorang wanita yang cekal, penyayang, baik hati, tabah dan prihatin.

“Tun Rahah adalah ibu saudara saya yang cukup rapat. Banyak masa saya membesar di bawah penjagaan beliau. Insan ini amat penyayang, prihatin, baik hati dan tabah. Ketika Tun Abdul Razak meninggal dunia, Tun Rahah baru berusia 43 tahun. Saya kagum dengan kecekalan beliau membesarkan lima anak lelaki yang juga sepupu saya sendiri.

“Saya kerap ziarah beliau dalam beberapa bulan ini termasuk yang terbaru semalam (kelmarin).



**Allahyarhamah Tun Rahah Mohamed Noah**

Tidak dapat digambarkan dengan kata-kata betapa sedihnya saya apabila dimaklumkan beliau telah pergi buat selama-lamanya,” katanya.

Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata beliau dan keluarga besar UMNO merakamkan ucapan takziah kepada Najib di atas pemergian bondanya.

Ucapan sama turut dirakamkan Presiden PAS, Datuk Seri Abdul Hadi Awang dan mendoakan supaya roh Allahyarhamah ditempatkan dalam kalangan orang beriman.

“Takziah saya ucapkan kepada keluarga Datuk Seri Najib Razak. Semoga Allah SWT mengurniakan rahmat kepada almarhum dan ditempatkan dalam kalangan orang yang soleh,” katanya.

Sementara itu, Presiden PKR yang juga Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata, beliau turut bersedih dengan pemergian Tun Rahah.

“Baru terima berita sayu kematian Tun Rahah. Takziah kepada Najib sekeluarga. Saya turut bersedih dan mendoakan agar roh Allahyarhamah dicucuri rahmat,” katanya.